

Naib Ketua Umno Bahagian Permatang Pauh Meninggal Dunia
Bernama
26 Jun, 2013

BUKIT MERTA JAM, 26 Jun (Bernama) -- Naib Ketua Umno Bahagian Permatang Pauh Abdul Rahim Man meninggal dunia di rumahnya di Kampung Junjung Tasek, Simpang Ampat, dekat sini akibat jangkitan kuman di hati.

Ketua Pemuda Umno Permatang Pauh Mohd Zaidi Mohd Said berkata, Abdul Rahim, 61, meninggal dunia di Hospital KPJ di Bandar Perda di sini pada kira-kira pukul 7.10 malam.

"Allahyarham telah dimasukkan ke wad di Hospital KPJ tiga hari lalu selepas mengalami jangkitan kuman di hati dan demam panas dan beliau tidak sedarkan diri sejak semalam.

"Saya dimaklumkan oleh anggota keluarganya yang Allahyarham dibawa pulang ke rumah petang tadi selepas doktor memaklumkan keadaannya yang kritikal," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini Rabu.

Katanya jenazah Allahyarham akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Junjung pagi esok.

Pada pilihan raya umum ke-13 lepas, Allahyarham Abdul Rahim dilantik sebagai Penyelaras Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri Norhazlina Abdullah dan lima orang anak.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959130>